



PERUTUSAN Pengerusi

(MESYUARAT JKTNg Bil. 8/2012 PADA 30 OGOS 2012)

1. MAKLUMAN PERTUKARAN KETUA JABATAN

- a) **Dr. Norhizan bin Ismail, Pengarah Kesihatan Negeri Pahang** telah mula bertugas pada 1 Ogos 2012 menggantikan **YH. Dato' Dr. Nooraini binti Baba** yang bertukar ke Kementerian Kesihatan Malaysia; dan

- b) **Tuan Haji Zainal bin Abidin, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Temerloh** telah mula bertugas pada 1 Ogos 2012 menggantikan **YH. Dato' Haji Tarif bin Haji Abdul Rahman** yang bertukar ke Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh sebagai Pegawai Daerah Temerloh.

2. PANDUAN PENGANJURAN MAJLIS DENGAN KEHADIRAN YAB PERDANA MENTERI

- a) Acara rasmi yang melibatkan kehadiran YAB Perdana Menteri hendaklah dirancang dengan teliti supaya tidak berlaku sebarang insiden atau kekurangan yang boleh mengganggu kelancaran majlis sambutan terutamanya

sewaktu ucapan perasmian atau amanat YAB Perdana Menteri.

- b) Penelitian meliputi aspek **jumlah kehadiran, tempat acara (saiz tempat hendaklah sesuai dengan kehadiran dan suasana sesuai dengan jenis audiens), lokasi, pengurusan aliran trafik, *crowd management*, keberkesanan sistem audio, video dan sebagainya.**
- c) Pihak Pejabat Perdana Menteri hendaklah dimaklumkan (melalui sesi taklimat) akan perancangan/ aturan acara dan dirujuk bagi mendapatkan pandangan dan khidmat nasihat.

3. KEPUTUSAN MINIT MESYUARAT JEMAAH MENTERI PADA 25 JULAI 2012

a) Bantuan dan *Engagement* Kerajaan Dengan Badan Bukan Kerajaan dan Persatuan Yang Mewakili Kelompok Tertentu

YAB Perdana Menteri berpandangan bahawa peruntukan Khas YAB PM yang dikendalikan oleh ICU JPM boleh dipertimbangkan untuk disalurkan kepada badan bukan Kerajaan (NGO) termasuk yang menjalankan program-program melindungi anak-anak jalaran di Chow Kit, Kuala Lumpur; bagi mendapat sokongan daripada NGO dan juga kelompok atau komuniti tertentu dalam masyarakat.

Kerajaan perlu mengadakan *engagement* yang berterusan dengan mereka. *Engagement* dengan komuniti penggiat seni juga sewajarnya dilakukan dan ia bolehlah dibuat melalui persatuan-persatuan yang mewakili mereka.

4. LAWATAN TURUN PADANG YBHG. KETUA SETIAUSAHA NEGARA

- a) Konsep turun padang kini menjadi sebahagian agenda YBhg. KSN dan ianya merupakan usaha beliau dalam merakyatkan perkhidmatan awam. Program ini juga bertujuan untuk meninjau pelaksanaan usaha-usaha penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam agensi-agensi kerajaan, meliputi agensi barisan hadapan, pejabat SUK Negeri, pihak berkuasa tempatan, serta pejabat daerah dan tanah.

- b) Pada 4 Ogos 2012 YBhg. KSN telah mengadakan Lawatan Turun Padang ke Negeri Melaka/Negeri Sembilan dan akan membuat lawatan ke Negeri Sabah serta beberapa negeri lagi dalam jangka masa terdekat. Justeru, **semua Ketua Jabatan diminta memberikan kerjasama penuh** dalam membantu menjayakan lawatan turun padang YBhg. KSN dan memastikan pegawai pengurusan atasan sentiasa berada di pejabat.

5. SOKONGAN PADU PENJAWAT AWAM

YBhg. KSN menegaskan mengenai keperluan penjawat-penjawat awam untuk memberikan sokongan padu kepada program-program Kerajaan di peringkat nasional. Majlis Pelancaran Kibar Jalur Gemilang bersempena dengan Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-55 tahun ini telah berlangsung pada 17 Julai 2012 di beberapa kawasan di Kuala Lumpur. Oleh itu, kita perlu mengambil inisiatif untuk mengibarkan Jalur Gemilang di pejabat, rumah dan kenderaan masing-masing. Selain itu, acara kemuncak sambutan Kemerdekaan akan berlangsung pada 31 Ogos 2012.

6. MENGOPTIMUMKAN PENGGUNAAN PUSAT LATIHAN SEDIA ADA

YBhg. KSN menyarankan agar kursus-kursus yang dilaksanakan oleh Kerajaan, menggunakan kemudahan pusat latihan Kerajaan sedia ada bagi menjimatkan kos berbanding di hotel-hotel. Apa jua program atau kursus yang diadakan di hotel hendaklah dipastikan selamat supaya maklumat-maklumat tidak bocor dengan sewenang-wenangnya.

7. LAPORAN PEMBAYARAN BIL KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI BULAN JULAI 2012

- a) Prestasi Pembayaran Bil Kerajaan Negeri Pahang pada bulan Julai 2012 yang telah dibayar dalam tempoh 14 hari

adalah 99.70% manakala 0.30% (29 bil) dibayar melebihi 14 hari.

b) Jabatan berkenaan di mana bil-bil yang dibayar melebihi tempoh 14 hari ialah;

- i) Jabatan Agama Islam Pahang - 15 bil
- ii) Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang - 4 bil
- iii) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang - 3 bil
- iv) Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan - 2 bil
- v) Jabatan Mufti Negeri Pahang - 1 bil
- vi) Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh - 1 bil
- vii) Jabatan Pengairan Dan Saliran Pahang - 1 bil
- viii) Jabatan Pertanian Negeri Pahang - 1 bil
- ix) Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang - 1 bil